



TEKS PERASMIAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-80, JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT (JKM) TAHUN 2026**

LOKASI / TARIKH / MASA

**DEWAN PERDANA PICC, PUTRAJAYA
3 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS) | 2.30 PETANG**

Kemas kini 1 September 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani

(SALUTASI akan disediakan)

PENDAHULUAN: MERAIKAN LAPAN DEKAD KECEMERLANGAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Ke-80 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YABhg. Datuk Seri Dr. Wan Azizah kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita merasmikan sambutan yang penuh bermakna ini.

2. Sambutan ini amat istimewa kerana kita bukan sekadar memperingati usia sebuah agensi penting Kerajaan. Kita meraikan lapan (8) dekad pencapaian dan khidmat bakti JKM kepada rakyat dan negara. Dalam tempoh 80 tahun, JKM telah menyaksikan pelbagai perubahan dalam pembangunan negara, demografi penduduk, bentuk kemiskinan dan cabaran sosial. Dalam setiap perubahan tersebut, JKM sentiasa berusaha menambah baik dasar,

program dan penyampaian perkhidmatannya agar kekal dekat dan relevan dengan rakyat.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Perjalanan JKM mempunyai cabaran dan keutamaan tersendiri. Pada peringkat awal, JKM memberi tumpuan kepada bantuan kemiskinan dan pengurusan bencana. Kemudian, peranan JKM berkembang dan diperkukuh melalui dasar dan perundangan yang melindungi hak

kanak-kanak, rang Kurang Upaya (OKU), warga emas, dan kumpulan rentan. Kini, JKM meneruskan transformasi melalui pendigitalan, penyampaian berasaskan data serta prinsip *Whole of Government* dan *Whole of Society*.

MEMPERKUKUH PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Perlindungan dan pembangunan kanak-kanak adalah antara perkara yang menjadi keutamaan Kerajaan. Pada tahun 2023, Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak telah ditubuhkan bagi memperkukuh agenda kanak-kanak secara lebih berfokus.

5. Selaras dengan Dasar Kanak-Kanak Negara dan Pelan Tindakan Dasar Kanak-Kanak Negara 2026–2030, JKM telah memperkasa Pemeliharaan Berasaskan Keluarga dan Diversion bagi kanak-kanak yang berkonflik dengan undang-undang, dengan memberi keutamaan kepada pemulihan, pengintegrasian semula serta pengembangan potensi mereka. Ini merupakan antara perubahan penting kepada pendekatan yang lebih menyeluruh, berasaskan keluarga, pemulihan dan pengintegrasian semula.

MEMPERKASA ORANG KURANG UPAYA

6. Dalam memperkasa Orang Kurang Upaya (OKU), JKM komited memperkukuh hak dan pembangunan potensi OKU melalui pelbagai inisiatif, termasuk pelaksanaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685], pendaftaran OKU, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), latihan dan pemeriksaan ekonomi. Pendekatan ini mencerminkan perubahan dengan melihat OKU sebagai individu yang

mempunyai hak, potensi, kebolehan dan berperanan aktif dalam pembangunan masyarakat.

WARGA EMAS: DARIPADA PENJAGAAN KEPADA KEHIDUPAN BERMARUAH

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Begitu juga dengan perkhidmatan warga emas. JKM telah beralih pendekatan daripada penuaan di institusi kepada

“aging in place”, yang membolehkan warga emas terus tinggal secara selamat, aktif dan bermaruah dalam komuniti melalui perkhidmatan seperti Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR). Pendekatan ini selaras dengan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2026–2030 supaya warga emas dijaga dengan hormat, mempunyai autonomi dan terus menyumbang kepada masyarakat. Melangkah ke hadapan kita juga sedang

membangunkan Rang Undang-undang Warga Emas bagi memastikan hak mereka dilindungi.

PEMERKASAAN KELUARGA DAN KOMUNITI

8. Kerajaan juga sentiasa percaya Keluarga dan komuniti merupakan asas kepada kesejahteraan sosial. Justeru, JKM memperkukuh pendekatan dengan memberikan penekanan kepada pencegahan, intervensi awal, sokongan keluarga dan pemerkasaan komuniti. Pada

masa yang sama, kerjasama dengan NGO, sukarelawan, sektor swasta dan komuniti menjadi komponen yang penting sebagai rakan kongsi dalam penyampaian perkhidmatan sosial kepada masyarakat.

TRANSFORMASI SISTEM PENYAMPAIAN

Hadirin sekalian,

9. Satu lagi pencapaian penting JKM ialah kesediaannya melakukan pembaharuan dalam sistem penyampaian. JKM telah memperkukuh penggunaan teknologi dan sistem digital bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan melalui pelbagai sistem seperti eBantuan, Sistem Pengurusan Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) dan myKendiri.
10. Dalam konteks ini, saya amat berbangga apabila JKM menerima Pengiktirafan Kejayaan Pelaksanaan Projek

Berimpak Tinggi di bawah Reformasi Kerenah Birokrasi menerusi inovasi Pengintegrasian Sistem eBantuanJKM dan Sistem iSPEKS. Kejayaan ini jelas menunjukkan usaha JKM dalam memastikan semua perkhidmatan dapat dicapai oleh rakyat. Syabas dan tahniah kepada seluruh pasukan JKM yang terlibat.

MEMPERKUKUH PROFESIONALISME KERJA SOSIAL

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Seiring dengan transformasi sistem, Kerajaan juga berusaha memastikan perkhidmatan kerja sosial diperkukuh melalui Akta Profesion Kerja Sosial 2026. Akta ini memperkukuh standard kelayakan, kompetensi, etika dan akauntabiliti pengamal kerja sosial. Bagi saya, profesionalisme bukan sekadar kelayakan. Profesionalisme bermaksud setiap keputusan yang menyentuh kehidupan seseorang dibuat berdasarkan ilmu, kompetensi, pertimbangan profesional dan rasa tanggungjawab.

PENGHARGAAN KEPADA WARGA JKM

Hadirin sekalian,

12. Di sebalik semua dasar, undang-undang, program dan teknologi yang saya sebutkan tadi, terdapat satu kekuatan yang menjadi nadi kepada kejayaan JKM dan warga kerjanya. Hari ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JKM, daripada barisan pengurusan tertinggi di ibu pejabat hinggalah

kepada pegawai dan petugas di negeri, daerah dan institusi.

13. Saudara dan saudari adalah wajah JKM kepada rakyat. Ada yang mengendalikan kes kanak-kanak. Ada yang menyantuni warga emas. Ada yang bekerja dengan OKU. Ada yang berperanan seperti ibu dan bapa di institusi. Malah, apabila berlaku bencana, JKM lah antara yang turun dahulu membantu sehingga mendapat gelaran “Hero Jaket Oren”.

14. Gelaran itu bukan sekadar merujuk kepada warna pakaian. Ia melambangkan warga JKM yang sanggup meninggalkan keselesaan diri, turun ke lapangan, mengurus pusat pemindahan sementara, membantu mangsa, memberikan sokongan emosi dan memastikan keperluan mereka yang terjejas diberikan perhatian. Sebenarnya banyak kerja kebajikan dilaksanakan jauh daripada perhatian umum, sentuhan JKM tidak sekadar bantuan, tetapi harapan yang mampu mengubah kehidupan.

PENGHARGAAN KEPADA PARA PESARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Penghargaan khusus juga saya tujukan kepada para pesara dan mantan warga JKM. Segala jasa dan pengorbanan generasi terdahululah yang membolehkan JKM cemerlang sehingga kini. Apa yang JKM capai setelah lapan dekad bukanlah usaha satu generasi, tetapi legasi

yang dibina dan diteruskan dari satu generasi kepada generasi berikutnya.

PENGHARGAAN KEPADA RAKAN STRATEGIK

16. Sepanjang lapan dekad ini, JKM tidak pernah bergerak sendirian. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakan strategik JKM termasuklah kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, badan bukan kerajaan,

institusi akademik, sektor korporat, sukarelawan, pemimpin komuniti serta semua pihak yang terus menjadi rakan strategik JKM dalam menyantuni dan melindungi masyarakat.

17. Hakikatnya, cabaran sosial semakin kompleks, berubah dan tidak boleh ditangani oleh sebuah agensi secara bersendirian. Kerjasama inilah yang membolehkan kita memperluas jangkauan perlindungan dan memperkukuh kesejahteraan rakyat bagi memastikan tiada golongan

yang memerlukan tercicir daripada menerima sokongan sewajarnya.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan,

18. Sambutan Ulang Tahun Ke-80 JKM merupakan kesempatan untuk kita menghargai apa yang telah dicapai sepanjang lapan dekad, tetapi pada masa yang sama mengingatkan

kita bahawa amanah kebajikan tidak pernah selesai. Tugas kita ialah memastikan JKM terus mempunyai keberanian untuk berubah, disiplin untuk memperbaiki kelemahan dan keupayaan untuk memberikan perkhidmatan yang semakin baik dari satu generasi kepada generasi seterusnya.

19. Semoga Sambutan Ulang Tahun Ke-80 ini menjadi pemangkin kepada semangat baharu untuk kita terus:

**Menyantuni dengan ihsan,
Melindungi dengan amanah,
Memperkasa dengan ilmu,
dan berkhidmat demi kesejahteraan rakyat.**

Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-80 Jabatan Kebajikan Masyarakat.

“MENYANTUNI RAKYAT, MEMPERKASA MASYARAKAT”

“BERKAT BERJASA”

*Sekian. Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

3 SEPTEMBER 2026